

BATAMERAH

Edisi Konvokesyen

4.0

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM



MINGGU APRESIASI
WATAN 2023
Orientation Week

#MulaSemula

Genggam PhD
pada umur

79 Tahun

ISI KANDUNGAN

- | | |
|---------|---|
| 03 - 04 | /01 Minggu Apresiasi Watan 2023
<i>Bersedia untuk #MulaSemula</i> |
| 05 | /02
<i>Siswa sebagai tonggak masyarakat Madani</i> |
| 06 | /03
<i>Solidariti untuk Palestin</i> |
| 07 - 08 | /04 FLYPMFSSK
<i>Perkasa sosio budaya Jepun menerusi FLYPMFSSK</i> |
| 09 - 10 | /05 Peranan Media dalam Era Vuca
<i>Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity</i> |
| 11 - 12 | /06 Pelayaran Ilmiah
<i>Warga Emas genggam PhD pada usia 79 tahun</i> |
| 13 - 14 | /07
<i>Karya Kreatif Filem Pendek</i> |
| 15 - 18 | /08 Coretan Ekspedisi
<i>Pos Lenjang</i> |
| 19 | /09 Tahniah Profesor Emeritus
<i>Dr. Hazita Azman</i> |
| 20 - 24 | /10 KonvoUKM51
<i>Kita Ikut Resmi Padi</i> |

/01

BERSEDIA UNTUK

#MULASEMULA

Seiring dengan tema #MulaSemula, warga FSSK bersedia membantu dalam mengorak langkah pelajar-pelajar baharu untuk #MulaSemula dalam mengubah hala tuju mahasiswa baharu anak watan dan generasi UKM yang berjaya. Kehidupan dalam satu pasukan dengan bimbingan Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub selaku “ketua jurulatih” dan barisan akademia FSSK yang cukup hebat dengan pengalaman dalam bidang kepakaran akan memberi satu pengalaman pembelajaran yang holistik bagi menjadikan pelajar-pelajar sebagai insan yang berguna seterusnya dapat menyumbang ke arah kecemerlangan fakulti dan UKM.

Selain sasaran anugerah-anugerah utama pada Majlis Konvokesyen UKM, warga FSSK akan memastikan pelajar-pelajar kali ini akan komited menyumbang bakti dalam aktiviti kokurikulum dan program-program mobiliti ke luar negara, yang turut sama penting dalam melengkapi keterampilan mereka untuk menjadi insan yang kamil. Kepada pelajar-pelajar baharu, *you are the game changer*. Anda bersedia untuk #MulaSemula?





/02

SISWA SEBAGAI TONGGAK MASYARAKAT MADANI

Apa sahaja dasar berkaitan sains sosial dan kajian kemanusiaan yang ada haruslah dilaksanakan segera menggunakan kapasiti sedia ada dengan pendekatan yang menjadi kekuatan pendidikan tinggi di UKM seperti penyelidikan, kepakaran dan ilmu-ilmu yang boleh diterjemahkan ke dalam bentuk hasil yang dapat dimanfaatkan oleh semua.

Siswa perlu menekankan aspek “*value-added*” dalam membentuk dan mencipta kejayaan hidup seiring dengan sahsiah yang tinggi di samping memenuhi permintaan industri. Penghayatan, pemahaman dan amalan merupakan konsep yang diterapkan oleh YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) untuk menganalisis keadaan sosial dalam mengupas dan menguasai ilmu sains sosial serta menggalakkan kesejahteraan psikologi, perkembangan kognitif, pembangunan kemahiran dan penyertaan aktif bersama industri.

Kemajuan siswa melibatkan penekanan terhadap kesejahteraan, perkembangan dan potensi mahasiswa sebagai individu yang bernilai dalam pendidikan tinggi. Dengan pendekatan ini, institusi pendidikan tinggi mencipta persekitaran inklusif dan sokongan yang mendorong pertumbuhan yang berterusan. Adalah menjadi harapan universiti untuk memberi peluang kepada penglibatan mahasiswa dalam projek-projek penyelidikan dan pembangunan inovatif. Secara tidak langsung ia dapat membantu mereka mendapatkan pengalaman latihan “*hands on*”, meningkatkan kemahiran kreatif, analitikal dan penyelidikan serta membangunkan keupayaan kerja berkumpulan dan keusahawanan.





/03

SOLIDARITI UNTUK PALESTIN

Pendirian Malaysia yang lantang, keras dan konsisten dalam mengutuk kekejaman rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin terus disuarakan di pelbagai peringkat. Kali ini menerusi gelombang warga FSSK pada program Solidariti Untuk Palestin.

Suara yang dilontarkan oleh warga FSSK menerusi himpunan ini adalah penolakan terhadap perang jenayah yang dilakukan oleh rejim Zionis, isu kemanusiaan serta tindakan kejam Israel terhadap rakyat Palestin yang turut mengakibatkan kematian wanita dan kanak-kanak. Warga FSSK akan sentiasa menyokong perjuangan sah rakyat Palestin ke arah Palestin yang merdeka.

Hidup Palestin! Hancur Zionis!



/04

PERKASA SOSIO BUDAYA JEPUN MENERUSI FLYPMFSSK

Jepun telah menjadi salah satu destinasi pilihan Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (PMFSSK) dalam menerokai sosio budaya masyarakat seperti persekitaran sosial, pengurusan masa, perbezaan budaya dan komunikasi. Perjalanan tanpa sempadan ini memberi peluang kepada 18 orang pelajar untuk mengunjungi *Rikkyo University Niiza & Ikebukuro Campus, Tokyo University Foreign Studies & Soka University*. Selain lawatan ilmiah ke universiti, pelajar juga berpeluang untuk meluangkan masa bersama murid-murid di *Tohoku Elementary School* serta mengambil inspirasi dalam urusan pentadbiran dan pembangunan kemajuan *Sanken Factory* di Saitama.

UKM merupakan salah satu daripada lima universiti penyelidikan di Malaysia yang mempunyai hala tuju strategik untuk menjadi peneraju serantau dalam kecemerlangan akademik dan penyelidikan. Dalam mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan keupayaan akademik dan penyelidikannya, UKM melalui fakulti ini telah menjalankan kerjasama bersama Soka University menerusi pemetraian memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang penerokaan penemuan idea dan pengetahuan, penganjuran simposium atau bengkel bersama serta pelbagai hubungan akademik dan kerjasama lain yang dipersetujui.





“

Hanis Zahidah binti Abdul Hadi
(Psikologi, Tahun 3)

“Saya berpeluang melihat keindahan struktur binaan pintu gerbang utama Universiti Rikkyo Ikebukuro yang telah lama ditubuhkan sejak 1919 sewaktu lawatan ke sana. Meskipun telah lama wujud, bangunan-bangunan lama masih berdiri megah dan terjaga dengan sistem yang efisien beserta fasiliti moden serta kemudahan yang disediakan sepanjang kampus. Sikap masyarakat Jepun yang sentiasa mengutamakan kebersihan dan mementingkan masa juga sangat mengagumkan. Personaliti mereka sudah tentu membuka mata saya dan menjentik hati untuk tidak membuang masa begitu sahaja. Program ini juga sudah tentu memberi banyak manfaat untuk diimplementasikan di Malaysia terutama sekali kepentingan menjaga binaan-binaan yang sewajarnya untuk dikenalkan serta dipulihara agar mampu menjadi sumber penyelidikan dan pendidikan”.



Muhammad Imran bin Kamarulzaman
(Persuratan Melayu, Tahun 3)

“Sepanjang saya berada di Jepun, saya dapat belajar tentang budaya masyarakat Jepun yang saling menghormati khalayak di sekelilingnya. Jepun merupakan negara yang bersih kerana rakyatnya diajar untuk berdisiplin menyimpan sampah sendiri kerana kebanyakan tempat awam di sana tiada tong sampah. Pengangkutan awam di Jepun juga sangat memudahkan penggunaanya kerana jika mahu ke mana-mana akan ada stesen terdekat di tempat tersebut serta pengangkutan awamnya yang sangat menepati masa”.



/05

PERANAN MEDIA DALAM ERA VUCA -

Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity

Media adalah suatu alat ampuh komunikasi dan telah memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan naratif terhadap individu, organisasi maupun negara. Literasi atau celik media dalam kalangan setiap individu merentas sempadan usia, taraf pendidikan dan kedudukan amat ditagih ke arah mewujudkan masyarakat yang memiliki peradaban yang hebat dan disegani.

Integrasi penyampaian sesuatu sumber maklumat yang tepat perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan kerap terhadap masyarakat dari semasa ke semasa merentasi platfom media capaian pengguna. Kegagalan menyampaikan maklumat yang tepat akan mencetus suasana panik dan ketidaktentuan dalam kalangan masyarakat umum yang keliru dalam menentukan situasi sebenar terhadap sesuatu isu yang timbul.

Kebolehan dalam mencari, mengetahui, menganalisis serta menilai sesuatu kandungan maklumat adalah berhubung rapat dengan literasi media ketika mengakses isi kandungan maklumat di media berkenaan. Tahap literasi media terbaik membolehkan setiap individu dalam masyarakat meneliti dengan sebaik mungkin sesuatu bahan media agar mereka memproses maklumat dengan tepat dan berhemah.

MENTION2023 bukan sekadar platform persidangan akademik malah merupakan sesi gabungan idea, pengalaman dan penyelidikan sepanjang persidangan berlangsung. Persidangan ini membuktikan komitmen pensyarah FSSK untuk memahami dan membentuk landskap media dalam mengharungi dunia ledakan teknologi komunikasi dan maklumat yang mencabar dan merentas sempadan menerusi sesi pleno bersama panel-panel jemputan.





Datuk Suhaimi Sulaiman
Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia.

Dalam menghadapi arus media yang luas dan mencabar, organisasi media harus bersedia dalam mempersiap siagakan wartawan lokasi untuk mencari data dan fakta yang terkini. Laporan yang disokong oleh data lebih dipercayai berbanding apa yang dicakap secara lisan sahaja. Bukan sahaja untuk konflik peperangan, tetapi juga bencana alam, ketahanan fizikal dan mental supaya laporan yang dibawa lebih profesional dan dipercayai.



Sakina Mohamad
Ketua Bahagian Digital Media BERNAMA

Organisasi media perlu pantas dan tepat dalam melaporkan berita kerana ia akan membentuk naratif dan persepsi yang akan diguna pakai dan ditafsir oleh masyarakat. Sesebuah isu yang tular, akan jadi lebih pantas dengan kecanggihan teknologi yang sedia ada. Jadi, besar tanggungjawab wartawan dalam menyampaikan apa jua maklumat kepada masyarakat.



Prof. Dr William R. Davie
US Fulbright Scholar University of Louisiana at Lafayette

Media perlu memperkasa strategi dalam mengubah landskap komunikasi dalam menyampaikan maklumat kerana bersaing dengan “*citizen journalism*”. Walau bagaimanapun, masyarakat mampu berfikir untuk mempercayai sesuatu berita berdasarkan data yang dikongsi oleh wartawan. Kerajaan atau agensi berkaitan perlu memainkan peranan penting dalam aspek keselamatan dan kebebasan wartawan dalam mencari maklumat yang tepat. Bukan sahaja perlindungan insurans, latihan yang lengkap untuk memperkuat fizikal dan mental dalam mengharungi trauma semasa bertugas.





/06

WARGA EMAS GENGGAM PHD UMUR 79 TAHUN

Ternyata usia bukan penghalang bagi seorang pesara guru yang berumur 79 tahun, Dr. Muhamram Awang yang telah berjaya mengenggam Ijazah Doktor Falsafah (Kesusasteraan Melayu) daripada Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM.

Cabar dan rintangan adalah asam garam dalam pelayaran ilmu tetapi berbekalkan semangat yang ada pada beliau untuk melengkapkan kehidupan dengan ilmu pelajaran perlu dicontohi. Masalah mata kabur ekoran katarak yang dihadapi oleh beliau sehingga terpaksa meminta bantuan anak-anak untuk menaip tesis kajian selepas mendapat tunjuk ajar dan sokongan daripada penyelianya, Dr. Zubir Idris.

Pelayaran ilmu yang bermula sejak 2015 hingga 2023 memang mengambil masa yang lama untuk menyempurnakan pengajian PhD tetapi sedikit pun tidak mematahkan semangat beliau untuk menamatkan apa yang pernah beliau mulakan. Sikap beliau yang sentiasa cintakan dan dahagakan ilmu memberi kepuasan sebagai seorang penggembala ilmu.

Itulah kepuasan sebenar yang dicari. Semoga Dr. Muhamram Awang menjadi sumber inspirasi untuk anak muda meneruskan legasi golongan berilmu.

/07

INTEGRASI DATA PENYELIDIKAN DALAM KARYA KREATIF FILEM PENDEK

Sabtu tahun kita melihat dan mendengar para penyelidik di institusi pengajian tinggi di Malaysia dianugerahkan ribuan dan jutaan ringgit dalam menghasilkan penyelidikan di dalam bidang masing-masing. Kebiasaannya, hasil penyelidikan akan diterjemahkan ke dalam bentuk penerbitan jurnal terbaik dunia untuk dikongsikan dan dimanfaatkan sebagai rujukan masa hadapan. Namun, lain pula inisiatif yang diambil oleh salah seorang penyelidik di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM apabila mengintegrasikan dapatan hasil penyelidikan ke dalam bentuk karya kreatif seperti filem pendek.

Menurut Dr. Hasrul Hashim, inisiatif dan inovasi yang dilakukan ini boleh dijadikan pendekatan terbaik dari perspektif konstruktivisme dalam pendidikan kerana menekankan kepada aspek pembinaan pengetahuan secara aktif dalam kalangan pelajar. Hal ini secara tidak langsung mampu meningkatkan kemahiran literasi digital kritikal seseorang pelajar melalui pembelajaran aktif dan kreatif. Tambah beliau lagi, masalah utama yang berlaku di dalam industri perfileman di Malaysia adalah kurangnya aspek penyelidikan terhadap naratif dan skrip serta plot jalan cerita yang sedikit lemah walaupun pada hakikatnya penggiat industri di negara ini tidak menghadapi masalah dari aspek teknologi peralatan, kreativiti senimatografi dan pemasaran sesebuah filem. Justeru, inovasi pengintegrasian data penyelidikan ke dalam bentuk karya kreatif sedikit sebanyak membantu mengatasi masalah kelemahan aspek pra-produksi terutamanya penulisan skrip dan susunan persembahan plot.

Melalui inovasi ini, kumpulan produksi pelajar dibekalkan dengan data-data penyelidikan untuk dijadikan input skrip dan plot sebelum diterjemahkan ke dalam bentuk pesanan khidmat awam, filem pendek, dokumentari dan pelbagai lagi bentuk karya kreatif yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh pelajar pula akan dipertandingkan ke pertandingan-pertandingan atau festival filem dalam dan luar negara untuk mengetahui tahap kualiti karya yang dihasilkan. Formula ini telah terbukti berkesan apabila diiktiraf di beberapa pertandingan dan festival filem dalam dan luar negara. Inovasi ini juga telah memenangi tempat pertama di dalam Kongres dan Pertandingan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (KNOVASI2023) bagi kategori pertandingan inovasi.

Senarai pencapaian di pertandingan dan festival filem:

FFPM2022



Judul : LENGAI
Kejayaan : Anugerah Filem Iklan Terbaik
Festival : Festival Filem Pelajar Malaysia ke13 (FFPM2022)
Pengarah : Muhammad Syakir Ahmad Sazali

BISFF2023



Judul : CAHAYA
Kejayaan : Tempat ke-3
Festival : Bandung International Students Film Festival (BISFF2023)
Pengarah : Muhamad Nazeem Mohd Nazri

VIPKI2023



Judul : TAKLIM
Kejayaan : Tempat ke-3
Festival : Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI2023)
Pengarah : Muhammad Syakir Ahmad Sazali

Kejayaan-kejayaan yang ditempa ini bukan sahaja membuktikan keunggulan FSSK dalam bidang seni visual kreatif, tetapi dalam masa yang sama turut menunjukkan kualiti pendidikan di sini benar-benar mencapai kualiti setanding antarabangsa. Nilai eksklusif karya-karya yang dihasilkan di FSSK secara tidak langsung merefleksikan kualiti modal insan generasi muda khususnya dalam mencorak masa hadapan industri kreatif Malaysia.

/08

CORETAN EKSPEDISI POS LENJANG

Oleh: Muhammad Haziq Aqmar Amril Nurman & Hasrul Hashim

Salah satu keunikan aktiviti penyelidikan FSSK berbanding fakulti lain di UKM adalah lebih tertumpu kepada aspek kemanusiaan dan sosial berbanding aspek teknologi atau sains. Baru-baru ini, penulis telah berkesempatan untuk menyertai ekspedisi pemantauan penyelidikan di Penempatan Orang Asli (POS) Lenjang yang dianggotai oleh beberapa orang penyelidik Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran (SEEDS) iaitu Dekan FSSK sendiri, YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dan Dr. Azahan Awang. Projek penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada projek Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sosio Ekonomi Masyarakat Orang Asli yang diketui oleh Prof. Datuk Dr. Rokiah Omar daripada Fakulti Sains Kesihatan. Ekspedisi kali ini bertujuan untuk melihat perkembangan beberapa Kampung Orang Asli (KOA) yang telah dibantu dari pelbagai segi dan melihat sendiri inisiatif oleh masyarakat Orang Asli Semai di POS ini untuk memajukan diri mereka setelah bantuan dihulurkan.



Ekspedisi Bermula (Ketidak Pastian)

Bagi penulis yang pertama kali menyertai ekspedisi ini, perasaan ketidak pastian dan ingin tahu begitu memuncak sepanjang pengembaraan sejauh 239 km dari Bangi. Kesemua peserta datang berasingan dan berkumpul di Masjid Sultan Ahmad Shah, Sungai Koyan, Pahang sebagai checkpoint untuk meninggalkan kendaraan dan menaiki jip ke lokasi penginapan di Chalet Pak Hashim. Terlintas di fikiran pada waktu itu adalah perjalanan menuju ke Chalet Pak Hashim sudah pasti mencabar kerana kereta biasa tidak mampu untuk sampai ke destinasi. Sepanjang perjalanan banyak perubahan yang dapat dilihat dengan ketara iaitu daripada jalan bertar berubah kepada jalan berbatu dan hutan konkrit berubah menjadi hutan simpan. Namun, ini hanyalah permulaan!



Sepanjang perjalanan selama sejam setengah itu, jip yang dipandu oleh Pak Lang begitu meriah dengan sesi soal jawab bersama Pak Lang berkenaan KOA di POS Lenjang. Pak Lang nyata sudah berpengalaman dan gemar berkongsi cerita kepada kami. Sesekali kami terleka dengan cerita Pak Lang dek kerana kagum dengan keindahan hutan dan deruan air sungai yang menemani sepanjang perjalanan. Sedikit demi sedikit juga bar signal telefon bimbit semakin menghilang.

Sebelum sampai ke chalet, kami singgah sebentar di Kampung Simoi Lama. Kehadiran kami disambut oleh para penduduk, anak-anak orang asli dan merah mulut Tok Batin Bahjong yang asyik mengunyah sireh. Untuk kami yang pertama kali ke sini, perkara pertama yang dibuat adalah melihat signal telefon. Ternyata hanya notifikasi ‘no service’ menjadi jawapan.

Namun, rupanya setiap perkampungan orang asli di sini dibekalkan dengan perkhidmatan jalur lebar JENDELA oleh MCMC. Ternyata masyarakat di sini juga terdedah dengan aspek kemajuan teknologi komunikasi seperti kita di bandar. Bezanya, mereka tidaklah 24 jam bersama telefon di tangan, bermain TikTok atau memuat naik gambar di Instagram. Mereka masih lagi selesa bermain takraw, berenang di sungai dan menunggang motorsikal. Di kampung ini juga, kami melihat terbinanya sebuah surau. Kami diberitahu masyarakat di sini menerima islam sebagai agama yang dianuti. Menariknya, menurut sumber yang kami dapat, kuasa dan pengaruh Tok Batin sangat kuat. Dengan mengislamkan Tok Batin, kesemua penduduk akan mengikut jejak langkah yang sama.

Setelah tiba di Chalet Pak Hashim, suasana berubah menjadi seperti di sebuah tempat peranginan kerana ramai pengunjung dari bandar yang mlarikan diri dari sibuk kota raya untuk berdamai dengan alam semula bertemankan desiran air sungai Lata Senlui yang terletak di tepi chalet. Bilik yang diberikan kepada kami hanya berdinding dan berlantaikan buluh. Tingkapnya pula tidak bercermin. Tandas yang disediakan adalah tandas cangkung dan menggunakan air sungai yang dipam dari sungai bersebelahan. Akses internet pula hanya boleh digunakan setelah elektrik dijana yang bermula jam 6.30 petang. Oh ya, Pak Hashim memang bijak dalam menjana ekonomi. Perkhidmatan prabayar jalur lebar wifi ada disediakan dengan harga RM12 bagi setiap 1G data. Mencabar bukan?

Puncak Pos Lenjang (Cabaran Sebenar)

Hari kedua dimulakan dengan sepinggan mi goreng masakan Pak Long selaku tukang masak sepanjang ekspedisi kali ini. Kami juga dinasihatkan untuk menambah juadah yang disediakan dek kerana kemungkinan waktu pulang ke chalet adalah pada jam 3 petang.

Sebanyak lapan buah motosikal milik orang asli yang disediakan oleh Tok Batin untuk kegunaan kami mendaki ke puncak Kampung Orang Asli Cheang. Ketika memulakan perjalanan dari chalet, jalan yang dilalui sudah cukup mencabar kerana jalannya berbukit dan jalan berbatu berubah menjadi tanah merah setelah 15 minit perjalanan. Setelah 30 minit menunggang, kami tiba di KOA yang pertama iaitu Kampung Kendrong.

Kami singgah dan berehat di dewan serbaguna hasil sumbangan para penyelidik UKM. Menurut Dekan, segala peralatan dan bahan untuk membangunkan dewan berkenaan sepenuhnya ditanggung UKM dan para penduduk diberikan kebebasan bergotong royong membangunkannya untuk menyemai rasa ‘sepunya’. Dewan yang dibangunkan boleh dijadikan tempat berkumpul dan pusat pendidikan asas kepada anak-anak masyarakat orang asli di setiap kampung berkenaan.



Perjalanan diteruskan lagi ke Kampung Cheang yang berada di puncak Pos Lenjang. Sebelum memulakan perjalanan kami dimaklumkan laluan ke puncak berkenaan hanyalah seluas lebar parit, licin dan sangat mencabar pendakian yang menggunakan motorsikal. Ternyata kemahiran mengunggang motorsikal benar-benar diuji bagi mereka yang pertama kali merasai pengalaman ini. Ada yang terjatuh, ada yang perlu menolak, ada yang hilang keseimbangan dan ada juga yang sudah biasa seperti Dr. Azahan. Saling tak tumpah seperti penduduk asal yang berselisih memotong kami penunggang amatur. Benar kata pepatah ‘alah bisa tegal biasa’. Namun ini semua tidak mematahkan semangat kami untuk sampai ke puncak.

Saujana Mata

Akhirnya, setelah hampir sejam perjalanan, segala lelah yang menjadi keluhan sepanjang pendakian ini berubah kepada rasa syukur yang tidak terhingga apabila kami dapat menikmati keindahan lukisan alam di Kampung Cheang. Ada sedikit hiburan tatkala melihat rakan yang turut serta dikejar anjing sebagai tanda sapaan selamat datang. Berada di puncak bukit dengan sapaan angin bayu yang nyaman ternyata tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Habis semua kepahitan ketika mendaki tadi lenyap dari ingatan tatkala melihat keindahan di puncak Kampung Cheang.

Namun, perkara yang paling mengharukan adalah apabila melihat dewan hasil sumbangan para penyelidik UKM telah siap dibina dan boleh dikatakan dewan tersebut merupakan dewan yang paling cantik berbanding dewan di KOA yang lain dengan masih mengekalkan tradisi seni bina masyarakat orang asli iaitu ‘kelarai’ yang merupakan seni anyaman menggunakan buluh untuk dijadikan dinding.

Menurut Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, walaupun sumbangan yang diberikan juga meliputi pemberian benih-benih tanaman seperti jagung dan padi bukit bagi memdidik masyarakat orang asli tentang pembangunan aspek sosio ekonomi.



Mem manusiakan manusia

Banyak yang penulis dan rakan-rakan boleh pelajari daripada ekspedisi ini. Paling utama, kami belajar betapa dalamnya makna manusiawi. Dari manusia untuk manusia. Kesukaran pendakian mengajar tentang erti betapa berharganya penat lelah usaha sebelum menggapai sesuatu yang indah. Sama seperti perjuangan menuntut ilmu yang penuh cabaran sebelum berjaya menggenggam segulung ijazah. Melihat keindahan Kampung Cheang secara tidak langsung diri ini berasa kerdil kerdil dengan ciptaan yang maha esa. Untuk mencari keindahan, manusia perlukan usaha. Ada sisi lain rupanya untuk melihat keindahan diri sebagai manusia. Ekspedisi penyelidikan ini benar-benar menjadikan saya ‘manusia’ kerana terkadang kita leka dengan apa yang telah kita ada sehingga kita lupa untuk mendalami erti bersyukur. Dan pada akhirnya saya bersyukur dilahirkan di fakulti ini.



/09

TAHNIAH PROFESOR EMERITUS DR. HAZITA AZMAN

Seluruh warga FSSK merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Profesor Emeritus Dr. Hazita Azman atas penganugerahan gelaran Profesor Emeritus pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-51. Perjalanan kerjaya selama 36 tahun di UKM, terbukti melalui program yang telah dibentuk dan dilaksanakan melalui Program pengukuhan Bahasa Inggeris UKM, Program BI@Kolej, Program *Content and Language Integration Learning* dan *Competency Based English Test – UKM*.

Peranan beliau dalam kepemimpinan pentadbirannya turut membawa kepada perubahan yang luar biasa. Dalam kapasitinya sebagai Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), beliau telah melancarkan Pelan Strategik FSSK 2020-2021. Selain itu, penstrukturran semula tata cara kualiti kerja dan proses aliran kerja yang lebih efisien telah diperkenalkan.

Sepanjang perjalanan akademiknya dalam bidang linguistik terapan dan literasi bahasa, beliau telah mengetuai 12 projek penyelidikan yang dibiayai dengan jumlah terkumpul melebihi RM1 juta melalui pelbagai sumber seperti universiti, kerajaan dan mahupun industri. Pengiktirafan yang tinggi telah diberi kepada beliau apabila dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai Pengurus Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris untuk mengawal standard dan kualiti pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia.

Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Hazita Azman merupakan salah satu penghormatan kepada jasa dan bakti yang telah beliau taburkan kepada universiti dan juga warga FSSK yang disayangi.

Tahniah YBhg. Profesor Emeritus Dr. Hazita Azman !





NARRATIF BAHARU UKM
**UNIVERSITI
KITA**

مجالس کونوکیشن

KONVOKEYEN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

اونيورسيتي كبغسان مليسيا

DAN PERISYTIHARAN
PELANTIKAN
PRO-CANSelor

KE-
51

• 25 - 30 November 2023 • Dewan Canselor Tun Abdul Razak

#KONVOUKM51



/10 **KONVOUKM51** KITA IKUT RESMI PADI

Masih terkenang di ingatan, Oktober 2020 menyaksikan UKM dan FSSK menerima kehadiran pelajar-pelajar baharu secara dalam talian akibat pandemik Covid19 yang melanda dunia. Sesi pengajaran dan pembelajaran jauh berbeza daripada norma biasa. Hampir setahun mereka tidak pernah bersua muka. Mengenal rakan dan pensyarah hanya melalui suara di skrin komputer. Setelah semuanya pulih seperti sedia kala, mereka kembali ke kampus dengan semangat menggenggam ijazah pada hari yang penuh hikmat.

Menyarung jubah hijau keramat pada hari bersejarah adalah impian yang telah disemat seawal bergelar mahasiswa FSSK. Perih jerih menimba ilmu secara dalam talian dan bersemuka akhirnya telah sampai ke titik paling hiba. Majlis Konvokesyen UKM ke-51 yang berlangsung pada 26 hingga 30 November 2023 menjadi saksi betapa hebatnya FSSK dalam melahirkan graduan yang berkualiti.

Hal ini telah dibuktikan apabila empat orang graduan daripada FSSK telah dinobatkan sebagai penerima anugerah-anugerah utama peringkat universiti pada majlis berkenaan. Graduan-graduan berkenaan adalah Saudara Muhammad Aqil Sharullizam (Anugerah Naib Canselor), Saudari Sharifah Umairah Syed Mustaffa (Anugerah Tun Abdul Razak), Saudari Fatin Adha Murad (Anugerah Emas Sarjana) dan juga Saudara Muhammad Danial Mukhlis Salleh (Hadiah Syed Kechik).

Saudara Muhammad Aqil Sharullizam, graduan Ijazah Sarjana Sastera dengan Kepujian (Persuratan Melayu) daripada Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan & Kebudayaan Melayu (BITARA-MELAYU) berjaya merangkul Anugerah Naib Canselor, manakala Saudari Sharifah Umairah Syed Mustaffa, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sains Politik) dianugerahkan Anugerah Tun Abdul Razak. Muhammad Aqil merupakan mantan Presiden Persatuan Mahasiswa FSSK dan keterselahan beliau di dalam aspek kepimpinan tidak perlu disangkal lagi. Sharifah Umairah pula merupakan pendebat Bahasa Melayu UKM dan telah banyak mengharumkan nama UKM di pertandingan-pertandingan debat



Saudari Fatin Adha Murad merupakan graduan Ijazah Sarjana Falsafah (Psikologi) daripada Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTRA) manakala Saudara Muhammad Danial Mukhlis Salleh merupakan graduan Ijazah Sarjana Sastera (Persuratan Melayu) daripada BITARA-MELAYU. Pada majlis itu juga, mantan Dekan FSSK, Prof. Emeritus Dr. Hazita Azman telah dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus atas sumbangan beliau kepada FSSK, UKM dan negara dalam memartabatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Kesemua figura kelahiran FSSK ini adalah bukti kecekalan mahasiswa FSSK dalam menempuh pelbagai cabaran sepanjang pengajian di UKM sebelum bergelar graduan. Keseimbangan pencapaian akademik, kepimpinan, keterserahan bakat dan sahsiah adalah merupakan resepi utama warga pendidik di FSSK untuk menzahirkan jati diri watan dalam kalangan graduannya.

Walaupun, kejayaan ini tidaklah sehebat melawan musuh di medan perang, namun sedikit sebanyak sudah cukup membanggakan keluarga tersayang. Jangan pernah lupa merendah diri, untuk terus terbang tinggi. Bersama-sama kita semaiakan prinsip *#ikutResmiPadi*.



Penerima Anugerah Naib Canselor

Muhamad Aqil Shahrullizam

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Persuratan Melayu)

Penerima Anugerah Tun Abdul Razak

Sharifah Umairah Syed Mustafa

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Sains Politik)

Penerima Anugerah Emas Sarjana

Fatin Adha Murad

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Psikologi)

Penerima Pingat Emas Universiti

Siti Aisyah Athirah Hassan

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Kerja Sosial)

Penerima Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia

Muhammad Fahmie Eizani Rosle

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Sejarah)

Penerima Hadiah Syed Kechik

Muhammad Danial Mukhlis Salleh

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Persuratan Melayu)

Penerima Hadiah DP Suhaimi Baba

Muhamad Nazeem Mohd Nazri

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Komunikasi Media)

Penerima Hadiah Dato' Dr. Mohammad Agus Yusoff

Nur Syaqirin Ruhaizam

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Sains Politik)

Penerima Hadiah Syed Arabi Idid

Mohamad Syukri Othman

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Pengurusan Komunikasi)

Penerima Hadiah Pelajar Cemerlang PKBL

Nur Azreena Azzreen Hanafi

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Linguistik)

Penerima Anugerah KAPT (B) Rambely Ramlah

Noor Syamimi Mohamad Nazri

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Sejarah)





Penerima Hadiah Buku Universiti:

Nurul Izzati Afandi
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Psikologi)

Nur Madiyah Ili Nor Mohd Idrus
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Kerja Sosial)

Adrian Isaac Anak Johnson Sulau
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Geografi)

Dachaini A/P Ganesan Perumal
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Sejarah)

Muhammad Syahmi Shamsudin
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Sains Politik)

Mohammad Iskandar Zulkarnain Mohd Amin
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Sains Pembangunan)

Muhammad Hafizan Aliff Halimi
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Persuratan Melayu)


Adreena Natasya Ahmad Daud
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Linguistik)

Sudais Mohd Perhard
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Komunikasi Media)

Ain Haziqah Ab Razak
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Pengajian Bahasa Inggeris)

Nurul Fathihah Azmy
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian
(Antropologi dan Sosiologi)

Nur Ain Ramlan
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian
(Pengajian Bahasa Melayu)



BATAMERAH

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)

